



22 SEP, 2023

Sime Darby Property, TNB teroka inisiatif tenaga solar

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Sime Darby Property, TNB teroka inisiatif tenaga solar

Sime Darby Property Bhd meneruskan perkembangan lestarinya dengan kerjasama strategik bersama Tenaga Nasional Bhd (TNB) untuk penerokaan dan pembangunan inisiatif tenaga mapan.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Datuk Azmir Merican, berkata ia adalah strategi dalam membangunkan portfolio yang mapan dan berdaya maju secara komersial untuk menerajui peralihan industri harta tanah domestik kepada tenaga boleh diperbaharui.

"Ia juga menandakan komitmen Sime Darby Property untuk mengurangkan jejak karbon syarikat serta memainkan peranan dalam agenda hijau negara.

"Menerusi kerjasama ini, kedua-dua pihak akan meneroka potensi perkongsian usaha sama untuk menyelaras penyelesaian bumbung solar di perbandaran dan pembangunan syarikat," katanya dalam satu kenyataan.

Projek perintis kediaman tanah termasuk pemajakan ruang bumbung serta pelaksanaan penyelesaian bumbung solar ke atas 1,000 harta tanah sedia ada mahupun akan datang di Bandar Elmina dan perbandaran yang lain.

Selain itu, Sime Darby Property dan TNB akan meneroka pelaksanaan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik dalam perbandaran dan atau pembangunan syarikat.

Kedua-dua rakan strategik ini juga akan bekerjasama dalam meneroka penyelesaian mikrogrid di perbandaran, taman perindustrian dan simpanan tanah Sime Darby Property.

"Tenaga boleh diperbaharui bukan sekadar membabitkan penjanaan elektrik untuk menangani isu sumber terhad. Ia adalah pemupukan minda yang sedar akan kepentingan alam sekitar dan sosial.

"Dengan meneruskan inisiatif berfokuskan kemampuan, kami dapat menyokong usaha Malaysia untuk mencapai matlamat tenaga bersih dan menegakkan Matlamat kami sebagai Pengganda Matlamat kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet," katanya.

Pada 27 Julai 2023, Sime Darby Property mengumumkan sokongannya terhadap visi kerajaan untuk mencapai 70 peratus kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050 bersempena dengan pelancaran NETR Fasa 1 oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.